



Seminar Sains dan Teknologi

Artikel oleh: Roslina Jawan



Seminar Sains dan Teknologi 2012 telah berlangsung pada 1 - 2 Disember 2012 bertempat di The Palace Hotel Kota Kinabalu dengan tema "Innovative, Relevant and Sustainable". Seminar tahun ini merupakan pengajuran buat kali yang ke-10 oleh Sekolah Sains dan Teknologi. Majlis makan malam dan perasminan seminar telah disempurnakan oleh wakil Naib Canselor, Prof. Dr. Felix Tongkul selaku Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah. Majlis tersebut telah diserikan dengan satu tayangan media khas yang mengimbuai sorotan penganjuran seminar ini sejak penganjurannya buat kali pertama hingga sekarang. Selain itu, satu acara memotong kek telah diadakan

sebagai simbolik meraikan pengajuran seminar kali ke-10 ini. Sepanjang seminar ini dijalankan sebanyak 52 hasil kajian daripada pelbagai sekolah / institut di UMS telah berjaya dibentangkan. Daripada penyertaan ini pecahan pembentangan adalah 17 orang pensyarah, 2 orang tutor, 31 orang pelajar pasca siswazah dan 2 orang pembantu penyelidik telah membuat pembentangan. Dengan itu, objektif utama seminar ini iaitu untuk mengetengahkan hasil-hasil penyelidikan, kerja-kerja penyelidikan yang berterusan dan hala tuju aktiviti penyelidikan pensyarah muda dan baru serta ahli akademik di universiti dalam bidang yang berkaitan sains dan teknologi telah tercapai.